

SMART terbukti berkesan atas banjir di ibu negara

KUALA LUMPUR 5 Mac – Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) terbukti sangat berkesan dalam mengatasi masalah banjir kilat di ibu negara apabila semua kawasan di bawah seliaannya terselamat daripada ditanda banjir kilat pada Selasa lalu.

Kawasan Masjid Jamek, Jalan Tun Perak, Lebuhraya Ampang dan Jalan Melaka yang sebelum ini sudah dinalati air, ternyata bebas banjir pada hari

tersebut.

SMART dalam kenyataannya di sini hari ini memberitahu, sejumlah 700,000 meter padu air telah disalurkan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ke terowong itu pada hari tersebut sekali gus mengelak banjir di kawasan berkenaan.

"Pihak SMART telah menerima isyarat daripada JPS bahawa sejumlah air perlu disalurkan ke dalam terowong dari hulu Sungai Klang dan

Sungai Ampang pada pukul 5 petang.

"Bagaimanapun, jumlah air yang terlibat hanya membolehkan bahagian terowong paling bawah dan dekat bagi kenderaan tidak terjejas langsung oleh proses itu," kata kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, kawasan yang teruk terjejas pada kejadian banjir Selasa lalu ialah Sentul, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Ja-

lan Ipoh, Jalan Tun Ismail, Jalan Rahmat, Jalan Kasipillay dan Jalan Duta.

"Kawasan itu terletak di luar kawasan sistem SMART iaitu di jajaran Sungai Gombak dan Sungai Batu," ujar kenyataan itu.

Kata kenyataan itu lagi, kejadian banjir itu adalah berpunca daripada limpahan air dari dua sungai tersebut yang tidak termasuk dalam kawalan SMART.

"Bagaimanapun, SMART akan memastikan sistem dan anggota sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dan penggunaan dinastikan merujuk saluran maklumat serta paparan elektronik (VMS) sedia ada," jelas kenyataan itu.

Tambah kenyataan itu, pengguna juga diminta untuk menghubungi talian bebas tol SMART di 1-300-88-7188 bagi memperoleh sebarang maklumat terkini.